

Lokasi



A

Linkway @ Level 1
Via MRT station
(Exit A)

B

Linkway @ Level 1

C

Linkway @ Level 4

Drop off only

Bus Stop

Carpark

Taxi Stand / Drop off

Kent Ridge MRT
Station @ Level 1



5 Lower Kent Ridge Road, Singapore 119074
Tel: (65) 6779 5555 Fax: (65) 6779 5678 Laman Web: www.nuh.com.sg
Company Registration Number: 198500843R

Maklumat Hubungan

Pusat Jantung Universiti Nasional, Singapore

1 Main Building of NUH

Masa Operasi: 8.30 pagi - 5.30 petang
(Isnin - Jumaat)

Tutup pada hujung minggu
& hari cuti umum

Laman Web: www.nuhcs.com.sg

Panduan Ke NUH


Stesen MRT Kent Ridge Circle Line

Penumpang boleh menukar keretapi di Pusat Tukaran MRT Buona Vista dan berhenti di Stesen Kent Ridge iaitu dua stesen selepas Stesen Buona Vista. Stesen tersebut mempunyai tiga pintu masuk and keluar.

Pintu Keluar A: Di pintu masuk Pusat Jantung Universiti Nasional, Singapura.

Pintu Keluar B: Di South Buona Vista Road, yang dihubungkan dengan Singapore Science Park 1.

Pintu Keluar C: Menuju ke Pusat Perubatan NUH.



Setiap hari, kami menyelamatkan nyawa dengan menyediakan bantuan kewangan untuk pesakit-pesakit yang memerlukan, pembiayaan untuk penyelidikan yang terkini dan latihan untuk pakar-pakar perubatan kami. Inilah sebabnya mengapa sokongan yang kami terima adalah sangat penting.

Sumbangan anda membantu kami meneruskan perjuangan untuk setiap denyutan jantung!


Untuk membuat sumbangan melalui talian, sila layari <http://www.nuhcs.com.sg/make-a-gift.html>

National University Heart Centre, Singapore

A member of the NUHS

PENGIKHTAN SEMASA DISCAJ UNTUK

Permanent Pacemaker (PPM)
Implantable Cardioverter Defibrillator (ICD)
Cardiac Resynchronization Therapy (CRT)




Tonton video pendidikan pesakit di Halaman YouTube NUHCS

LANGKAH
01



Muat turun Pembaca QR PERCUMA pada telefon pintar anda dan imbas kod QR.

LANGKAH
02



Kod QR akan dinyahkod dengan serta-merta. Anda akan dibawa ke www.youtube.com/user/NUHCS



Imbas kod QR

Bagaimanakah saya menjaga bahagian luka?



1 Menjaga bahagian luka

- Pembalut mesti dijaga bersih, utuh dan kering pada setiap masa sehingga temujanji dengan jururawat pakar dalam pengurusan aritmia untuk pemeriksaan luka, kecuali dinyatakan sebaliknya oleh pakar elektrofisiologi (Electrophysiologist).
- Periksa bahagian luka melalui cermin untuk memastikan tiada tanda-tanda infeksi atau pendarahan pada luka.
- Ketika mandi, pembalut hendaklah dijaga supaya **sentiasa kering**.

(Sila rujuk kepada "garis panduan pemeriksaan luka PPM/ICD/CRT" pada muka surat terakhir)



2 Mengenalpasti tanda-tanda pendarahan dan/atau infeksi pada luka:

- Bahagian luka semakin sakit secara tiba-tiba.
- Bengkak sekeliling luka dan tempat alat PPM/ICD/CRT.
- Meningkatkan lebam.
- Bahagian luka semakin hangat dan kemerahan.
- Pendarahan aktif pada bahagian luka.
- Terdapat cecair/lelehan pada luka atau bahagian luka mula bernanah.
- Demam dengan suhu badan lebih dari 38°C.



Bilakah saya harus kembali untuk berjumpa doktor atau jururawat pakar?



1 Temujanji susulan.

- Anda dinasihati supaya **menghadiri kesemua** temujanji susulan seperti yang telah diaturkan.
- Sila hubungi talian temujanji @ 6772 2002 sekiranya anda tidak menerima tarikh, masa dan tempat untuk temujanji anda *dalam masa 2-3 hari bekerja* selepas pulang dari hospital.
- Sekiranya anda tidak dapat hadir temu janji, sila hubungi talian temujanji *5 hari sebelum* tarikh janji.
- Bawa kad temujanji anda, dengan memo yang relevan, kertas ringkasan selepas dibenarkan pulang dari hospital & keputusan ujian dari doctor anda (selain dari NUH), sekiranya ada.

Peri pentingnya temujanji susulan dengan pakar kardiologi (Electrophysiologist) & Jururawat Pakar:

- Penilaian dan pengurusan terhadap pesakit, luka dan alat PPM/ICD/CRT akan dijalankan semasa temujanji susulan yang dijadualkan dalam jangka masa dua minggu selepas alat PPM/ICD/CRT dimasukkan ke dalam tubuh pesakit.
- Siasatan & rawatan akan turut dijalankan pada temujanji susulan yang akan datang bagi memastikan pengekal hasil terapeutik itu.





2 Bilakah harus saya dapatkan rawatan doktor segera?

- Pembalut luka terdedah, basah atau kotor.
- Adanya/timbul tanda-tanda dan simptom infeksi dan/atau pendarahan pada luka.
- Simtom/tanda-tanda baru pada jantung dan/atau timbul simtom dan tanda-tanda kesakitan yang dialami sebelum pengimplanan peranti.
- Sedu-sedu yang berpanjangan dan/atau sentakan pada otot dada atau lengan yang berdekatan dengan alat PPM/ICD/CRT.
- Menerima lebih dari 2 kejutan ICD dalam jangkamasa 24 jam (**untuk pesakit ICD sahaja**).
- Berasa kurang sihat



3 Di mana boleh saya dapatkan rawatan perubatan segera?

Unit Kecemasan NUH/hospital yang terdekat.

4 Bilakah harus saya dapatkan rawatan perubatan awal (dalam jangkamasa 24 – 48 jam)?

- Menerima 1 kejutan dalam jangkamasa 24 jam (**untuk pesakit ICD sahaja**).
- Berasa mabuk, seperti hendak pitam atau mengalami denyutan/debaran jantung yang cepat selepas didedahkan kepada sumber gangguan elektromagnetik (EMI).

(Sila rujuk pada risalah yang diberikan oleh syarikat pembuatan peranti PPM/ICD/CRT untuk maklumat lanjut)

5 Di mana boleh saya dapatkan rawatan perubatan awal?

- Unit Kecemasan NUH atau hospital yang terdekat.
- Klinik Kardiologi NUH (Heart Clinic).

(Sila hubungi talian janji temu @ 6772 2002 untuk mendapatkan janji temu lebih awal bagi berjumpa Pakar Kardiologi (Pakar alat PPM/ICD/CRT anda)

Maklumat penting yang anda harus ketahui

1 JANGAN:



- Angkat lengan anda (yang berdekatan alat PPM/ICD/CRT) lebih tinggi dari paras bahu selama **sekurang-kurangnya 2 minggu** selepas pembedahan.



- Miring ke arah alat PPM/ICD/CRT semasa berbaring selama **sekurang-kurangnya 2 minggu** selepas pembedahan.

- Angkat barang-barang yang beratnya 5kg dan ke atas dengan tangan yang berdekatan peranti PPM/ICD/CRT.

2 ELAKKAN:



- Menolak, menarik, memulas/memerah, regangan yang berlebihan, menyentak yang melampau atau buaian yang berulang-ulang menggunakan lengan yang berdekatan peranti PPM/ICD/CRT.



- Menyentuh dan menyebabkan trauma pada bahagian peranti PPM/ICD/CRT.

- Sukan yang melibatkan sentuhan pada tubuh (Contohnya: ragbi dll) atau aktiviti yang memerlukan anda untuk meregangkan/memerah atau menghayunkan otot pada lengan tersebut.

- Penggunaan peranti yang mengeluarkan/menyebabkan gegaran (Contohnya: Peranti mengurut/kerusi urut yang dihidupkan dengan mode gegaran dan ketukan).



3 Sentiasa berjaga-jaga untuk mengelakkan gangguan elektromagnetik (EMI).

(Sila rujuk pada risalah yang diberikan oleh syarikat pembuatan alat PPM/ICD/CRT untuk maklumat lanjut)

- Jika anda berasa mabuk, seperti hendak pitam atau mengalami denyutan jantung yang pantas selepas terdedah pada gangguan elektromagnetik (EMI), jauhkan diri dari sumber gangguan itu atau matikan alat yang menyebabkan gangguan itu. Dapatkan rawatan perubatan awal.



4 Sentiasa simpan kad ID alat PPM/ICD/CRT bersama anda.



5 Ikut arahan memakan ubatan yang disediakan oleh doktor anda.

- Kombinasi ubat & peranti PPM/ICD/CRT akan membantu kondisi anda.



6 Jururawat pakar kami dalam pengurusan aritmia (Arrhythmia Management) boleh dihubungi:


Tel: 6779 5555
Operation hours: 8.30pagi - 5.00petang
(Isnin - Jumaat)
Tutup pada hujung minggu & hari cuti umum

7 Ulasan lain (sila terangkan):

Keperluan asas yang disediakan sebelum dibenarkan keluar dari hospital

- 1 Buku Petunjuk PPM/ICD/CRT yang diberikan oleh syarikat pembuatan alat tertentu.
- 2 Kad Pengenalan PPM/ICD/CRT yang diberikan oleh syarikat pembuatan alat tertentu.

Garis Panduan Pemeriksaan Luka untuk Pacemaker/Implantable Cardioverter Defibrillator/Cardiac Resynchronization Therapy



Sila periksa *bahagian luka* untuk mengenal pasti tanda-tanda:

- Pendarahan
- Bengkak
- Bahagian luka semakin membesar
- Bahagian luka semakin sakit secara tiba-tiba
- Infeksi luka:
 - Bahagian luka semakin membesar, hangat dan kemerahan,
 - Terdapat semakin banyak cecair/lelehan pada luka,
 - Bahagian luka mula bernanah,
 - Demam dengan suhu badan $>38^{\circ}\text{C}$

****Jangan:**

- Tanggalkan pembalut.
- Menyentuh bahagian jalur-steri pada setiap masa.
- Menyentuh tempat alat PPM/ICD/CRT jika tidak perlu.